

03/01/1998

Ghapur tarik balik peletakan jawatan

KUALA LUMPUR, Jumaat - Datuk Abdul Ghapur Salleh hari ini menarik balik peletakan jawatan sebagai Timbalan Ketua Menteri, Menteri Kewangan dan Timbalan Pengerusi Perhubungan Umno Sabah.

Keputusan itu dibuat selepas pertemuan sejam dengan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Pejabat Perdana Menteri di sini, hari ini.

Memberitahu pemberita selepas pertemuan itu, Abdul Ghapur berkata beliau menarik balik peletakan jawatannya atas nasihat Dr Mahathir dan Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Saya jumpa Perdana Menteri mengenai peletakan jawatan saya dan atas nasihat beliau dan Timbalan Perdana Menteri (Datuk Seri Anwar Ibrahim) maka saya tarik balik peletakan semua jawatan, berkuatkuasa hari ini," katanya.

Abdul Ghapur mengumumkan peletakan ketiga-tiga jawatan pada 13 Disember lalu dengan memberi alasan 'soal peribadi' sebagai faktor utama.

Peletakan jawatannya sebagai Timbalan Ketua Menteri dan Menteri Kewangan berkuatkuasa 18 Disember lalu, manakala pengunduran sebagai Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri, berkuatkuasa hari itu.

Surat peletakan jawatannya diserahkan kepada Ketua Menteri, Datuk Yong Teck Lee dan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Sabah, Datuk Seri Osu Sukam.

Seminggu kemudian, Perdana Menteri menolak peletakan jawatan itu dan meminta Abdul Ghapur menimbang semula keputusannya.

Beliau dilantik sebagai Timbalan Ketua Menteri pada 1995 mewakili Bumiputera Islam.

Dua lagi Timbalan Ketua Menteri ialah Datuk Joseph Kurup yang mewakili Bumiputera bukan Islam dan Datuk Tham Nyip Shen mewakili masyarakat Cina.

Abdul Ghapur berkata, beliau tidak menghadapi sebarang kesukaran membuat keputusan itu dan akan pulang ke Sabah hari ini untuk kembali bertugas.

"Sebenarnya selepas bertemu Perdana Menteri hari itu, saya sudah membuat keputusan untuk kembali tetapi kerana beliau meminta saya bercuti, hari ini saya dapat berjumpa beliau dan memberitahu keputusan ini," katanya.

Mengenai nasihat Dr Mahathir, Abdul Ghapur berkata, Perdana Menteri memberitahunya banyak perkara termasuk mengenai kepentingan negara serta Sabah.

(END)